



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-4/5/3 Jld.2 (**S3**)
Tarikh : **12** Mac 2026

**Semua Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu**

Tuan,

**PELAKSANAAN BANTUAN AM PERSEKOLAHAN KUMPULAN WANG AMANAH
PELAJAR MISKIN (KWAPM) TAHUN 2026**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan surat daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan, No. Ruj: KPM.800-4/4/28 JLD.27 (31) bertarikh 10 Mac 2026 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, pembentangan belanjawan 2026 pada Oktober 2025 yang lalu telah mengumumkan mengenai peluasan pemberian Bantuan Am Persekolahan (BAmP) Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) kepada murid **Tahun 1 hingga Tingkatan 5** bermula pada tahun 2026. Selain itu, pemberian bantuan KWAPM mulai tahun 2026 adalah berdasarkan had kelayakan **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional 2024 dalam kategori miskin tegar iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM1,236.00 atau RM348.00 perkapita**

3. Untuk makluman pihak tuan, pelaksanaan BAmP KWAPM pada tahun ini akan menggunakan Sistem Pengurusan Biasiswa dan Bantuan Kewangan Bersepadu Kementerian Pendidikan (iSAFE) berdasarkan had kelayakan semasa yang dicerap daripada Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS).

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki menguruskan perkara-perkara berikut dengan kadar segera:

4.1 Mengisi maklumat PGB dan Guru Penyelaras KWAPM untuk tujuan penetapan peranan dalam sistem iSAFE MODUL BAmP KWAPM dipautan <https://tinyurl.com/id-peranan-iSAFE> **sebelum atau pada 17 Mac 2026**.

4.2 Mengedarkan semula Borang Permohonan Bantuan PB-1 dan Borang PB-2 kepada semua murid **Tahun 1 hingga Tingkatan 5** yang difikirkan layak menerima BAmP KWAPM. Borang lama tidak boleh digunakan kerana menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2022. **Tarikh akhir pemulangan borang oleh ibu bapa adalah pada 31 Mac 2026**.

...2/-

JPNT.SPM.UHEM.800-4/5/3 Jld.2 (**SS**)

4.3 Memaklumkan kepada semua ibu bapa / penjaga murid supaya mengemaskini pendapatan dan tanggungan terkini anak di bawah jagaan masing-masing melalui Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS) **sebelum 31 Mac 2026**.

5. Bersama-sama ini disertakan **Lampiran A** takwim pelaksanaan BAmP KWAPM tahun 2026. Pihak tuan diingatkan supaya mematuhi proses permohonan seperti yang telah ditetapkan.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas, pihak tuan boleh menghubungi **YM Shph Aklima Nadia binti Syed, Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Terengganu** melalui talian **019-9851085**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam urusan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu	-	Makluman tuan.
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu	-	Makluman tuan.

LAMPIRAN A

TAKWIM PELAKSANAAN
KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN (KWAPM)
BAGI MURID TAHUN 1 HINGGA TINGKATAN 5
TAHUN 2026

BIL.	TARIKH	TEMPOH (HARI)	AKTIVITI	PERANAN	CATATAN
1.	9 Mac 2026	1	Taklimat kepada JPN.	BKew	
2.	10 hingga 17 Mac 2026	8	Pengumpulan maklumat iD Pengguna di JPN/PPD/Sekolah.	PPD JPN	a. Edaran Borang PB-1/PB-2 mengikut PGK2024 kepada murid. b. Penetapan peranan pegawai dalam sistem iSAFE modul BAmP KWAPM sebagai: <ul style="list-style-type: none"> i. Pengetua/Guru Besar (PGB) - Pengurus Sekolah ii. Guru Penyelaras Bantuan - Guru Penyelaras
3.	18 hingga 30 Mac 2026	13	Semakan dan penetapan iD Pengguna.	BPM	
Cuti Sekolah pada 19 hingga 29 Mac 2026 Cuti Hari Raya Aidilfitri pada 21 dan 22 Mac 2026					
4.	31 Mac hingga 2 April 2026	3	Sesi Latihan Bersama JPN/PPD/Sekolah.	BKew BPM JPN PPD Sekolah	

BIL.	TARIKH	TEMPOH (HARI)	AKTIVITI	PERANAN	CATATAN
5.	3 April 2026	1	Tarikh akhir pemulangan Borang PB-1/PB-2.		Tarikh akhir janaan nama penerima BAmP KWAPM tahun 2026 dalam sistem iSAFE adalah pada 31 Mac 2026.
6.	6 hingga 19 April 2026	14	Persediaan akhir pembukaan Sistem iSAFE Modul KWAPM.	JPN PPD Sekolah	Penataran kepada sekolah.
7.	20 hingga 26 April 2026	7	<p>i) Semak silang senarai nama murid sedia ada dalam sistem iSAFE dengan Borang PB-1/PB-2.</p> <p>ii) Klik Tambah Murid (jika layak) dalam sistem iSAFE sekiranya terdapat tambahan nama murid yang layak dalam Borang PB-1/PB-2.</p>	Guru Penyelaras	Permohonan BAmP KWAPM dalam system iSAFE dibuka. Senarai nama yang layak akan dibawa ke Mesyuarat JBPS untuk diputuskan.
8.	27 April hingga 17 Mei 2026	21	<p>Mesyuarat JBPS:</p> <p>i) Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS).</p> <p>ii) Menanda senarai murid yang layak BAmP KWAPM yang diperaku dalam JBPS ke dalam sistem iSAFE.</p> <p>iii) Memuat naik Minit Mesyuarat JPBS ke dalam sistem iSAFE.</p>	Ahli JBPS Guru Penyelaras	

BIL.	TARIKH	TEMPOH (HARI)	AKTIVITI	PERANAN	CATATAN
			iv) Menyemak dan mengesahkan senarai permohonan KWAPM murid penerima yang layak BAmP dalam sistem iSAFE.	Pengurus Sekolah	
Cuti Hari Pekerja pada 1 Mei 2026					
9.	18 hingga 20 Mei 2026	3	Menyemak dan mengesahkan murid penerima di peringkat daerah yang layak BAmP dalam sistem iSAFE.	PPD	
10.	21 hingga 26 Mei 2026	6	Menyemak dan mengesahkan murid penerima di peringkat negeri yang layak BAmP dalam sistem iSAFE.	JPN	
Cuti Sekolah pada 23 Mei hingga 7 Jun 2026 Cuti Hari Raya Aidiladha pada 27 Mei 2026 Cuti Hari Wesak pada 31 Mei 2026 Cuti Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong pada 1 Jun 2026					
11.	3 hingga 14 Jun 2026	12	i) Permohonan penyaluran BAmP KWAPM melalui Akaun Transit kepada Bahagian Akaun (BA) KPM. ii) Penyaluran dibuat sebaik sahaja mendapat kebenaran BA KPM. iii) Surat pemakluman bayaran BAmP KWAPM dikeluarkan.	BKew	

BIL.	TARIKH	TEMPOH (HARI)	AKTIVITI	PERANAN	CATATAN
12.	15 Jun 2026		<p>i) Mengunci masuk semua transaksi peruntukan KWAPM ke Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS) di bawah Lajur KWAPM dan atas nama Peruntukan KWAPM mengikut jumlah peruntukan yang diterima.</p> <p>ii) BAmp KWAPM mula diagihkan kepada murid.</p>	Sekolah	
13.	31 Oktober 2026		Tarikh akhir pemulangan lebihan peruntukan KWAPM tahun semasa.	Sekolah JPN	
14.	Sepanjang tahun		<p><u>Pemulangan peruntukan:</u></p> <p>a. Bagi murid yang bertukar sekolah berlainan negeri dalam tempoh pelaksanaan Bantuan KWAPM, Bahagian/JPN/PPD/Sekolah hendaklah mengembalikan peruntukan* tersebut kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui cek atas nama Akauntan Negara Malaysia-KPM-T beserta dokumen berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Cek Pemulangan; ii. Surat iringan pemulangan beserta justifikasi; iii. Salinan surat pertukaran murid ke sekolah baharu yang telah diluluskan oleh JPN/PPD ATAU 	Sekolah JPN BKew	*Tindakan pengemaskinian maklumat beserta dokumen sokongan dalam sistem iSAFE di bawah tab BAmp KWAPM (Pemulangan Lebihan).

BIL.	TARIKH	TEMPOH (HARI)	AKTIVITI	PERANAN	CATATAN
			<p>surat pengesahan kemasukan murid oleh sekolah baharu; dan</p> <p>iv. Borang Akuan Penerimaan.</p> <p>b. Bagi pemulangan selain bertukar sekolah berlainan negeri, Bahagian/JPN/PPD/Sekolah hendaklah mengembalikan peruntukan* tersebut kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui cek atas nama Akauntan Negara Malaysia-KPM-T beserta dokumen berikut:</p> <p>i. Cek Pemulangan; dan</p> <p>ii. Surat iringan pemulangan beserta justifikasi.</p> <p>Sesi Libat Urus (SLU)/ Pemantauan pelaksanaan KWAPM.</p>		SLU/ Pemantauan kepada negeri dan sekolah terpilih.

NOTA:

1. Bilangan hari adalah termasuk Sabtu dan Ahad serta Cuti Umum.
2. Sekiranya terdapat masalah gangguan capaian dan paparan sistem, peranan pegawai, kata laluan dan permohonan pegawai baharu, sila log aduan ke dalam Sistem Perkhidmatan Meja ICT (ISD) KPM iaitu <https://isd.moe.gov.my>